



MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai **Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** **Sijil Kontraktor Kerja Bertaraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM (CIDB)]** dengan pendaftaran masih sah laku tempohnya sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tamat tempoh sebut harga, dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

NO. SEBUTHARGA	KETERANGAN KERJA	GRED/ KATEGORI/ PENGKHUSUSAN	TARIKH & MASA LAWATAN TAPAK	HARGA & TARIKH JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
MPHTJ/S17/JKJ/2024	CADANGAN MEMBINA BARU MEDAN PENJAJA DI TAMAN SAUJANA PERMAI, MP HANG TUAH JAYA	GRED : G2 KATEGORI : B PENGKHUSUSAN : B04	LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN TARIKH : 1 April 2024 (Isnin) MASA : 10.00 pagi HADAPAN PASAR MINI SPEEDMART TAMAN SAUJANA PERMAI Hanya penama yang tercatat dalam Sijil Pendaftaran Syarikat sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak kontraktor / syarikat TIDAK BOLEH mewakili selain penama	HARGA : RM50.00 (tidak akan dikembalikan) TARIKH : 16 April 2024 (Selasa) SEHINGGA 23 April 2024 (Selasa)	SEBELUM ATAU PADA JAM 12.00 TENGAH HARI 23 April 2024 (Selasa)

- Naskah-naskah tawaran sebut harga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari Sistem Tender Online Melaka (STOM) yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>
- Pihak syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di Sistem Tender Online Melaka (STOM) dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebut harga secara atas talian dengan harga RM50.00 bermula pada **16 April 2024 (Selasa)** sehingga **23 April 2024 (Selasa)**.
- Semua tawaran mestilah dikemukakan dalam sampul surat bermeteri dan dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (berhampiran kaunter khidmat pelanggan) **selewat-lewatnya** pada hari **Selasa** bersamaan **23 April 2024** sebelum pada jam 12.00 tengah hari.

5. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah sekali atau mana-mana sebut harga.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“HANG TUAH JAYA - BANDARAYA PINTAR”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN SAPIAH BINTI HARON)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Melaka.

Tarikh : 25/3/2024

- s.k :
1. Jabatan Kejuruteraan, MPHTJ – untuk makluman
 2. Pengarah Teknologi Maklumat – *sila pamerkan iklan sebutharga di laman sesawang dan laman "Facebook" Rasmi MPHTJ*
 3. Fail Projek